

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)35**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

35. Bagaimanakah unjuran sektor ekonomi yang dijangkakan berlaku pasca COVID-19?
- (a) Berapa lamakah untuk kita kembali ke landasan yang asal?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

35. Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Laporan Tahunan 2019 yang dikeluarkan pada 3 April 2020 telah membuat unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara yang rendah di antara -2.0 % dan 0.5% berikutan gangguan bekalan, permintaan dan perdagangan di peringkat global yang terganggu akibat daripada wabak COVID-19.

Bagi negeri Pulau Pinang, Penang Institute menjangkakan sektor perkhidmatan mengalami kesan yang paling ketara memandangkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan penginapan, industri makanan dan minuman, pengangkutan serta peruncitan dan perdagangan mengalami pergerakan yang perlahan akibat

wabak COVID-19. Sektor pembinaan juga dijangka mengalami pertumbuhan perlahan akibat kemelesetan ekonomi secara am. Bagi sektor pembuatan pula dijangka akan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan dan melibatkan syarikat-syarikat yang menghasilkan peralatan perubatan serta komponen-komponen berkaitan. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka akan mengalami pertumbuhan yang stabil berikutan peningkatan dalam permintaan tempatan.

- (a) Impak krisis kesihatan seperti penularan wabak COVID-19 ini dijangka tidak mengambil tempoh masa yang lama berbanding impak krisis kewangan yang sukar diuruskan dan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih. Penganalisis ekonomi menjangkakan ekonomi global akan pulih pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, ianya bergantung sama ada penularan wabak COVID-19 telah dapat dibendung secara global.